

KEHIDUPAN SOSIAL DAN BUDAYA DALAM PERUMAHAN MAMPU MILIK

SHAREZ IZUAN BIN MD ZAIDI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KEHIDUPAN SOSIAL DAN BUDAYA DALAM PERUMAHAN MAMPU MILIK

SHAREZ IZUAN BIN MD ZAIDI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2020

DEDIKASI

Terima kasih yang tiada berpenghujung kepada ayahanda dan bonda yang dikasihi,

Md Zaidi Bin Abdul Gani dan Aishah Binti Ismail

yang membesarkan dan mendoakan kejayaan anakmu ini.

Buat insan teristimewa,

Mia Imawati Binti Jalil terima kasih kerana bersabar dan setia menanti.

Untuk harta yang paling berharga,

Muhammad Aiman Bin Sharez Izuan

Ayra Hadeeja Binti Sharez Izuan

Aysha Yasmeeen Binti Sharez Izuan

terima kasih kerana menjadi sumber kekuatan untuk abahmu ini.

Buat **sahabat seperjuangan,**

Terima kasih atas semua memori

Maafkan sekiranya ada mengguris hati

Halalkan makanan dan minuman yang dikongsi

Namun yang pasti kenangan Bersama akan terus terpahat di sanubari

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana akhirnya saya berjaya menyiapkan Projek Ijazah Sarjana ini. Kejayaan ini tidak mampu saya capai sekiranya saya tidak dikelilingi oleh orang-orang yang hebat dan membantu di belakang tabir di sebalik kejayaan yang sangat bermakna ini. Oleh itu, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya bagi kajian ini, Dr. Siti Radiaton Adawiyah Binti Zakaria. Beliau adalah merupakan seorang yang sangat mudah untuk bekerjasama dan sangat komited. Terima kasih sekali lagi kepada beliau atas sumbangan idea, tunjuk ajar, motivasi dan nasihat sepanjang tempoh penyiapan kajian ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penghuni-penghuni Sky Awani Residensi yang turut memberi kerjasama yang baik semasa saya menjalankan pengedaran borang soal selidik. Tanpa maklumbalas daripada mereka, tidak mungkin saya akan dapat mengumpul data yang diperlukan. Tidak saya lupakan, ucapan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di dalam membantu memberikan maklumat yang membolehkan kajian ini disiapkan sepenuhnya.

Akhir sekali, buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih sekiranya anda semua terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih atas kata-kata semangat dan lontaran idea sehingga akhirnya kajian ini berjaya terhasil. Hanya Allah yang mampu membalasnya.

ABSTRAK

Rumah mampu milik adalah merupakan salah satu alternatif yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam usaha mereka untuk memiliki rumah. Ia merupakan usaha yang harus dipuji, namun apabila pelbagai skim perumahan mampu milik diperkenalkan, timbul pula persoalan dari kemampanan sosial yang merujuk kepada kehidupan sosial dan budaya dalam perumahan mampu milik. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap kepuasan mengenai kehidupan sosial dan budaya yang diperoleh oleh penghuni rumah mampu milik. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti komponen kehidupan sosial dan budaya dalam perumahan mampu milik. Manakala, objektif kedua kajian ini adalah bagi mengkaji tahap kepuasan penduduk terhadap kehidupan sosial dan budaya dalam komuniti perumahan mampu milik. Kawasan kajian yang telah dipilih adalah Sky Awani Residensi di Kuala Lumpur. Pemilihan kawasan kajian ini merupakan hasil sesi perbincangan bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang mengiktiraf Sky Awani Residensi antara perumahan mampu milik yang terbaik di negara ini. Seterusnya, kaedah kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik telah dipilih sebagai satu instrumen dan diedarkan kepada 110 penghuni-penghuni rumah di perumahan tersebut. Proses menganalisis data dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kekerapan, analisis deskriptif Bersama analisis Skala Likert, analisis Penjadualan Bersilang (*Crosstab*) dan juga analisis Khi Kuasa Dua (*Chi Square*). Hasil analisis mendapati bahawa majoriti responden menyatakan mereka tidak berpuas hati terhadap elemen hubungan dengan jiran di dalam komponen kehidupan sosial dan budaya. Akhir sekali, pengkaji berharap kajian ini akan dapat membantu pihak kerajaan, pemaju, pengurusan dan pembeli serta rakyat Malaysia di dalam merangka dasar dan pembangunan perumahan yang lebih baik serta memberikan maklumat yang berguna bagi menjamin kehidupan yang lebih baik.

ABSTRACT

Affordable housing is one of the alternative that has been introduced by the Government to help the low-income and modest group in their efforts to own the house. It is an attempt to be praised, but when various housing schemes are able to belong, there is also a question of social sustainability that refers to the social and cultural life in affordable housing. Thus, the study was conducted to identify the level of satisfaction regarding social and cultural life gained by the residents of affordable housing. The first objective of this study is to identify the components of social and cultural life within the affordable housing. While, the second objective is to examine the level of population satisfaction on social and cultural life in a affordable housing. The selected research area is Sky Awani Residensi in Kuala Lumpur. The selection of this research area is the result of a discussion session with the Ministry of Federal Territory (KWP), which recognizes Sky Awani Residensi among the best affordable housing in the country. In turn, a quantitative method using the questionnaire was selected as a single instrument and circulated to 110 respondant in the housing. The process of analyzing the data is carried out using the frequency analysis method, descriptive analysis alongside the analysis of Likert scale, Crosstab analysis and also analysis of the Chi Square. The results of the analysis found that the majority of respondents stated they were not satisfied with the elements of the relationship with the neighbor in the components of social and cultural life. At last, the reviewer hoped this study would be able to help the government, developers, management and buyers and Malaysians in formulating policies and better housing development and provide useful information to ensure life better.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI SIMBOL	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.6.1 Kerajaan	8
	1.6.2 Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	9
	1.6.3 Rakyat dan Pembeli Berpotensi	9
	1.7 Kajian Penyelidikan dan Metodologi	9
	1.7.1 Peringkat Kajian	10

1.7.1.1	Peringkat Pertama (Menentukan Tajuk Kajian)	11
1.7.1.2	Peringkat Kedua (Teori Penyelidikan)	11
1.7.1.3	Peringkat Ketiga (Pengumpulan Data)	11
1.7.1.3.1	Data Primer	12
1.7.1.3.2	Data Sekunder	18
1.7.1.4	Peringkat Keempat (Analisis Data)	18
1.7.1.5	Peringkat Kelima (Rumusan dan Cadangan)	21
1.8	Susun Atur Bab	23
1.8.1	Bab 1 - Pengenalan	23
1.8.2	Bab 2 - Kemampanan Sosial	23
1.8.3	Bab 3 - Kawasan Kajian	24
1.8.4	Bab 4 - Analisis Kajian	24
1.8.5	Bab 5 - Penemuan, Kesimpulan dan Cadangan	24
BAB 2	KEMAMPANAN SOSIAL	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Kemampanan	26
2.2.1	Memahami Kemampanan	27
2.3	Takrif Kemampanan	28
2.3.1	Konsep Tiga (3) Dimensi Kemampanan	30
2.3.1.1	Alam Sekitar	32
2.3.1.2	Ekonomi	32
2.3.1.3	Sosial	33

2.4	Kemampuan Sosial	33
2.4.1	Konteks Kemampuan Sosial	34
2.4.2	Tafsiran Kemampuan Sosial	35
2.4.3	Kriteria Kemampuan Sosial	38
2.4.4	Prinsip Kemampuan Sosial	40
2.5	Komponen Kemampuan Sosial	41
2.5.1	Kehidupan Sosial dan Budaya	42
	2.5.1.1 Identiti Tempatan	43
	2.5.1.2 Perhubungan Antara Kejiranan	43
	2.5.1.3 Kesejahteraan	44
	2.5.1.4 Perasaan Keselamatan	44
	2.5.1.5 Kemudahan Tempatan	45
2.6	Komuniti Mampan	46
2.7	Rumusan	48
BAB 3	KAWASAN KAJIAN	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Takrif Rumah Mampu Milik	50
3.3	Pelaksanaan Dasar Rumah Mampu Milik	51
3.4	Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)	53
3.5	Pengenalan Kawasan Kajian	55
3.6	Latar Belakang Kawasan Kajian	56
3.7	Rumah Mampu Milik (Residensi Wilayah)	57

3.8	Sky Awani Residensi	58
3.8.1	Kemudahan	59
3.8.2	Populasi Penduduk	60
3.9	Rumusan	61
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	63
4.1	Pengenalan	63
4.2	Analisis Ke Atas Maklumat Personal Responden (Bahagian A)	63
4.2.1	Analisis Jantina Responden	65
4.2.2	Analisis Bangsa Responden	66
4.2.3	Analisis Umur Responden	67
4.3	Analisis Kekekapan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tahap Kepuasan Penduduk dalam Mempertingkatkan Kehidupan Sosial dan Budaya dalam Komuniti Perumahan Mampu Milik	68
4.3.1	Identiti Tempatan	68
4.3.2	Hubungan dengan Jiran	70
4.3.3	Kemudahan Tempatan	72
4.3.4	Kesejahteraan	73
4.3.5	Perasaan Selamat	75
4.4	Analisis Deskriptif	76
4.5	Analisis Skala Likert	79
4.6	Analisis Ujian Crosstab dan Khi Kuasa Dua (Chi Square)	84
4.7	Rumusan	96

BAB 5	PENEMUAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	97
5.1	Pengenalan	97
5.2	Penemuan Kajian	97
5.2.1	Penemuan Objektif 1 : Mengenalpasti Komponen Kehidupan Sosial dan Budaya	98
5.2.2	Penemuan Objektif 2 : Mengkaji Tahap Kepuasan Kehidupan Sosial dan Budaya dalam Perumahan Mampu Milik	98
5.3	Cadangan Kajian	100
5.4	Limitasi Kajian	102
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	103
5.6	Kesimpulan	104
	Rujukan	
	Lampiran	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Penskalaan Likert (Likert, 1932)	16
1.2	Pengesahan Keseluruhan Hasil Cronbach's Alpha Kajian Awalan	17
2.1	Definisi Kemampanan Sosial	36
2.2	Kriteria Kemampanan Sosial	39
3.1	Teras dan Pernyataan Dasar RUMAWIP (Kementerian Wilayah Persekutuan, 2019)	54
3.2	Jadual Status Pelaksanaan Residensi Wilayah (Unit Pembangunan RW - KWP, 2019)	58
4.1	Analisis Maklumat Responden Secara Keseluruhan	64
4.2	Faktor Identiti Tempatan	69
4.3	Faktor Hubungan dengan Jiran	70
4.4	Faktor Kemudahan Tempatan	72
4.5	Faktor Kesejahteraan	74
4.6	Faktor Perasaan Selamat	75
4.7	Julat Indeks bagi Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Responden Terhadap Kehidupan Sosial dan Budaya dalam Perumahan Mampu Milik	80
4.8	Analisis Skala Likert	81
4.9	Analisis Umur dan Faktor Adakah Anda Berasa Selamat Berjalan Bersendirian di Kawasan Kejiranan Anda pada Siang Hari	86

5.0	Analisis Umur dan Faktor Adakah Anda Berasa Selamat Berjalan Bersendirian di Kawasan Kejiranan Anda pada Waktu Malam	88
5.1	Analisis Umur dan Faktor Saya Berasa Selamat Biarkan Anak Saya Tinggal Berseorangan	90
5.2	Analisis Umur dan Faktor Saya Berasa Selamat Biarkan Anak Bermain Dengan Jiran	92
5.3	Analisis Umur dan Faktor Saya Berasa Yakin dengan Tahap Keselamatan yang Disediakan	94
5.4	Ujian Chi Square Umur Terhadap Faktor Perasaan Selamat	95

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Alir Penyelidikan	22
2.1	Hubungan Kemampanan Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar (Purvis et al., 2019)	29
2.2	Model Pertama Terhadap Kemampanan (McKenzie, 2004)	30
2.3	Model Kedua Kemampanan (McKenzie, 2004)	31
2.4	Empat Kriteria Kemampanan Sosial (Saffon Woodcraft & Dixon, 2013)	40
2.5	3 Dimensi dan 13 Komponen Rangka Kerja Kemampanan Sosial	42
3.1	Perkembangan Dasar Perumahan di Malaysia (Jabatan Perumahan Negara, 2018)	52
3.2	Bendera Rasmi Wilayah Persekutuan (KWP, 2019)	56
3.3	Bendera Kuala Lumpur	57
3.4	Gambaran Keseluruhan Sky Awani Residensi	59
3.5	Pelan Kemudahan Sky Awani Residensi	60
3.6	Peratusan Penduduk (KWP, 2019)	61
4.1	Peratusan Jantina	65
4.2	Peratusan Bangsa	66
4.3	Peratusan Umur	67

SENARAI SINGKATAN

RMM	-	Rumah Mampu Milik
KWP	-	Kementerian Wilayah Persekutuan
JPN	-	Jabatan Perumahan Negara
COB	-	<i>Comissioner of Building</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
IBM	-	<i>International Business Machines</i>
OECD	-	<i>Organisation for Economic Cooperation and Development</i>
TBL	-	<i>Triple Bottom Line</i>
LPPKN	-	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
PR1MA	-	Perbadanan Perumahan 1Malaysia
RUMAWIP	-	Rumah Wilayah Persekutuan
RMR	-	Rumah Mesra Rakyat
SPNB	-	Syarikat Perumahan Negara Berhad
KPKT	-	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
PPAM	-	Perumahan Penjawat Awam Malaysia
RW	-	Residensi Wilayah
OSC	-	<i>One Stop Centre</i>
UTC	-	<i>Urban Transformation Centre</i>
KTM	-	Keretapi Tanah Melayu
LRT	-	<i>Light Rail Transit</i>

SENARAI SIMBOL

n	-	Saiz Sampel yang Dibenarkan
N	-	Jumlah Populasi
e	-	Ralat yang Dibenarkan (%)
Jadual χ^2	-	Jadual Taburan Khi Kuasa Dua

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran 1	Persoalan Kajian	113
Lampiran 2	<i>Chi Square Distribution Table</i>	118

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perumahan adalah keperluan asas kepada semua orang. Perumahan merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah bandar dan merupakan simbolik kepada kejayaan, penerimaan sosial dan juga ekonomi (Ahmad Ariffian, Hasmah, & Et.al, 2010). Rumah juga sebagai tempat kediaman yang memainkan peranan penting dalam pembangunan kemampanan ke arah mempertingkatkan kesejahteraan hidup penduduk. Kediaman yang selesa adalah sebahagian daripada jaminan kepada kesejahteraan kehidupan, kegembiraan dan produktiviti. Keterjangkauan perumahan mampu milik merupakan masalah mendesak yang tidak hanya mempengaruhi isi rumah tetapi juga mempunyai implikasi terhadap ekonomi, alam sekitar, pekerjaan, kesihatan dan juga kemampanan (Emma, Kieran, & Et.al, 2013).

Mulliner & Maliene (2011) dan Jabatan Perumahan Negara, (2019) juga turut menggariskan tujuh belas (17) kriteria terhadap perumahan mampu milik mampan iaitu harga rumah dan pendapatan, kos sewa dengan pendapatan, kesediaan kadar faedah dan gadai janji, kesediaan penginapan yang boleh disewa, kesediaan produk perumahan yang mampu milik dengan harga berkaitan, keselamatan, akses kepada peluang pekerjaan, kemudahan pengangkutan yang berkualiti, sekolah yang berkualiti, kawasan perkedaian, pusat penjagaan kanak-kanak, kemudahan rekreasi, kawasan lapang, perkhidmatan kesihatan, kualiti perumahan, perumahan yang mempunyai kecekapan tenaga dan mempunyai kemudahan pengurusan sisa pepejal. Kesemua

kriteria tersebut adalah daripada unsur terpenting kemampanan sosial yang menyokong antara satu lain antara ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Menurut Widok (2009), dalam pembangunan mampan, aspek ekonomi, ekologi, dan sosial sepatutnya diberi keutamaan yang sama kerana ianya adalah dalam kemampanan sosial. Perumahan mampu milik mampan juga merupakan keperluan penting dalam kehidupan masyarakat masa kini yang seharusnya menjadi kediaman kondusif ke arah membentuk keluarga serta komuniti sejahtera. Ini disokong oleh (Rowley, Ong, & Et.al, 2015); Syazwani & Mariam (2013) dan (Chamhuri, Nasyrah Ahmad, & Et.al, 2011) yang menerangkan pelbagai dimensi dalam kemampanan sosial seperti ekonomi, sosial, kesihatan dan kestabilan kewangan adalah pengukur yang semakin kritikal, diukur dalam menentukan kejayaan dasar perumahan masa kini dan akan datang. Kawasan kediaman yang lengkap dengan kemudahan ekonomi dan sosial, bersih, tersusun, selesa, aman serta dengan penduduknya yang harmoni adalah idaman bagi setiap komuniti. Aspek kualiti kejuruan dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya faktor persekitaran fizikal khususnya yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, keselesaan dan keindahan semulajadi; faktor ekonomi khususnya peluang yang berkaitan dengan pekerjaan dan peluang-peluang lain bagi meningkatkan taraf kehidupan dan faktor sosial seperti penyediaan kemudahan asas, kadar pelakuan jenayah dan keharmonian masyarakat (Rostam, Maimunah, & Et.al, 1997).

Secara dasarnya, kemampanan sosial memberi penekanan kepada industri perumahan terutama sekali perumahan mampu milik. Hal ini kerana matlamat kemampanan sosial dalam pembangunan mampan bagi memastikan pembangunan ekonomi untuk kesejahteraan dan peningkatan kualiti kehidupan masyarakat, penggunaan sumber secara bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dan juga sistem ekologi berada dalam keadaan yang baik (Chamhuri et al., 2011). Kemampanan sosial ini perlu dilaksanakan dan digerakkan dalam skala yang besar untuk memberi kesan terhadap kesejahteraan masyarakat.

Menurut Amartya (2013), kemampanan sosial meliputi dimensi kepelbagaian (*diversity*), ekuiti (*equity*), kualiti kehidupan (*quality of life*), demokrasi dan tadbir urus (*democracy and governance*), *interconnected/ social cohesions*, dan kematangan

(*maturity*). Kepelbagaian adalah bertujuan untuk mempromosikan dan menggalakkan kepelbagaian masyarakat; ekuiti adalah menyediakan peluang dan hasil kepada semua komuniti terutama sekali kepada masyarakat yang termiskin; kualiti kehidupan pula adalah memastikan keperluan asas dapat dipenuhi dan memupuk kualiti kehidupan yang baik bagi semua peringkat yang melibatkan komuniti, individu dan kumpulan misalnya kesihatan, perumahan, pendidikan, pekerjaan dan keselamatan; demokrasi dan tadbir urus adalah komuniti yang menyediakan proses demokrasi dan struktur tadbir urus yang terbuka dan bertanggungjawab; *interconnected/ social cohesions* pula komuniti menyediakan proses, sistem dan struktur yang mempromosikan perkaitan dalaman dan di luar komuniti secara formal dan tidak formal; dan kematangan adalah penerimaan individu yang menerima tanggungjawab dan peningkatan yang konsisten melalui atribut sosial contohnya gaya komunikasi, corak tingkah laku dan pendidikan tidak langsung.

Oleh itu, dalam merealisasikan kemampanan sosial terhadap perumahan mampu milik bagi penyediaan rumah yang berdaya huni dan selamat adalah suatu cabaran yang besar kerana perumahan mampu milik sering dikaitkan dengan isu pendapatan, urbanisasi yang meluas, peluang pekerjaan yang baik di kawasan bandar yang menjadikan lokasi dan demokrasi penduduk penentuan kemampuan rumah mampu milik. Cabaran utama dalam perumahan mampu milik ini adalah tanggapan individu dan organisasi terhadap apa yang akan berlaku dalam perumahan mampu milik antaranya adalah kelemahan terhadap penyelenggaran, persepsi perumahan yang dikaitkan dengan jenayah, perumahan yang dianggap sekadar memenuhi syarat dan yang paling utama adalah berkaitan dengan kenaikan harga hartanah serta keadaan rumah yang tidak menarik (Tighe, 2012).

Gaya hidup yang sibuk dan kemajuan alat teknologi telah menghadkan komunikasi secara fizikal dalam kejiwaan. Oleh yang demikian, mengikut dimensi yang telah dibuat oleh Amartya (2013), kajian ini hanya akan menumpukan terhadap 'Kehidupan sosial dan budaya' dalam kemampanan sosial terhadap perumahan mampu milik. Rangka kerja untuk kemampanan sosial dibangunkan mempunyai

empat (4) dimensi iaitu kemudahan dan infrastruktur, 'kehidupan sosial dan budaya', suara dan pengaruh, dan perkembangan ruang (Paul, Liam, & Et.al, 2015).

1.2 Penyataan Masalah

Kemampuan sosial dianggap sebagai tonggak penting kemampuan secara umum dan merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh setiap individu, keluarga dan komuniti. Ia merupakan elemen utama dalam menentukan tahap kemampuan sosial terutama sekali dalam perumahan mampu milik. Setiap komuniti baru perlu berkongsi ruang, ritual dan berkongsi sokongan bagi membina rangkaian sosial. Hubungan baik antara penduduk dan mempunyai pelbagai aktiviti adalah kunci kepada komuniti yang berkembang maju. Kemampuan sosial adalah mengenai kualiti hidup manusia, pada masa sekarang dan masa hadapan. Ia juga menerangkan sejauh mana kejiranan menyokong kesejahteraan individu dan kolektif.

Terdapat banyak kertas penyelidikan yang ditulis mengenai kemampuan sosial di luar negara. Menurut kajian Woodcraft (2012), mencadangkan komuniti yang mampan perlu menyediakan "ruang bersama bagi aktiviti kolektif untuk memupuk rangkaian dan identiti masyarakat tempatan". Persekitaran hidup yang direka secara universal juga boleh menggalakkan penyertaan ruang yang fleksibel dan boleh disesuaikan serta dikongsi oleh pelbagai pengguna untuk pelbagai aktiviti serta pada waktu yang berbeza dapat menghubungkan komuniti secara interaksi sosial. Interaksi sosial adalah hubungan sosial yang berkaitan dengan hubungan antara individu, hubungan antara kelompok dengan kelompok yang lain dalam mengenali kaum dalam komuniti.

Misalnya, kajian yang dibuat oleh Nicola Bacon (2013), dalam kehidupan dalam kawasan "*Kidbrooke Village*", hasil daripada kajian menunjukkan 'kehidupan sosial dan budaya' mendapati kekurangan perhubungan antara kejiranan adalah masalah utama dalam kawasan tersebut. Kawasan kajian ini dilakukan oleh 125 orang responden yang terdiri daripada pelbagai etnik kaum, jenis pekerjaan dan 83 orang

daripada responden adalah mendiami dalam kawasan perumahan mampu milik. ‘Kehidupan sosial dan budaya’ bukan sahaja konteks intraksi sosial namun menurut Nicola Bacon (2013), dalam ‘kehidupan sosial dan budaya’ terdapat lima (5) faktor iaitu kesejahteraan, identiti tempatan, perhubungan antara kejiranan, keselamatan dan kemudahan tempatan terutama sekali dalam perumahan mampu milik.

‘Kehidupan sosial dan budaya’ adalah sebahagian daripada kemampuan sosial. Kemampuan sosial dalam perumahan mampu milik adalah penting dalam memenuhi kepuasan terhadap kejiranan yang menjadi salah satu petunjuk penting dalam proses mempertingkatkan kualiti kejiranan. Jika kemampuan sosial dalam konteks ‘kehidupan sosial dan budaya’ tidak dicapai, terdapat banyak implikasi yang sering berkait antaranya adalah perhubungan antara kejiranan yang menjamin kualiti kehidupan yang baik terutama sekali dalam perumahan mampu milik. Pernyataan ini di sokong dalam kajian lepas yang dibuat oleh Haris (2010) dalam pelbagai masalah yang tidak memuaskan dalam kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti. Hasil daripada kajian Haris (2010) mendapati kesejahteraan sosial dan pembangunan sosial adalah hak kewajipan dan tanggungjawab semasa manusia serta menggariskan tiga (3) model utama; *residual*, *institutional* dan *developmental* dalam menjaga tahap kesejahteraan sesebuah komuniti.

Memetik titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah “cabaran dan ancaman paling dekat, sangat kritikal dan boleh meruntuhkan negara dengan pantas adalah ledakan kemarahan sesama rakyat yang berpunca daripada perselisihan kaum dan agama” (Shaarani, 2019). Oleh yang demikian, dapat dilihat perumahan mampu milik pada hari ini, menunjukkan ‘kehidupan sosial dan budaya’ dalam kemampuan sosial memainkan peranan yang penting. Namun begitu, persoalannya adakah penunjuk kemampuan sosial dalam konteks ‘kehidupan sosial dan budaya’ dapat memberikan kepuasan terhadap komuniti. Sejak kebelakangan ini, interaksi sosial antara komuniti dan penduduk mempunyai masalah yang terbesar yang sering disebut dalam media samaada media sosial ataupun di dada akhbar seperti isu yang terjadi dalam masyarakat Iban di Kuching yang tidak mendapat tempat di dalam komuniti (Melvin, 2019). Menurut pensyarah kanan UPM Dr. Mohd Roslan (2019), dasar

komuniti negara perlu dihalusi dan inklusif bagi menggalakkan kehidupan harmoni dan selamat yang dapat mewujudkan jalinan kerjasama erat antara komuniti. Oleh itu, kajian yang dibuat ini adalah untuk melihat permasalahan penduduk dalam konteks ‘kehidupan sosial dan budaya’ dalam perumahan mampu milik. Kajian ini juga akan dapat memberikan pendapat terhadap cadangan penambahbaikan dasar komuniti dan cadangan penambahbaikan terhadap perhubungan antara komuniti dalam perumahan mampu milik.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat dalam kajian ini dapat membuktikan tahap kemampanan sosial dalam konteks ‘kehidupan sosial dan budaya’ dapat mewujudkan interaksi sosial dikalangan kejiwaan dan dapat mengeratkan jurang antara komuniti serta memberi panduan kepada pihak yang membuat dasar ataupun garis panduan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengetahui dan menilai impak kemampanan sosial terhadap perumahan mampu milik berdasarkan penyataan masalah, kajian ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

- i) Mengenalpasti komponen ‘kehidupan sosial dan budaya’.

- ii) Mengkaji tahap kepuasan penduduk terhadap ‘kehidupan sosial dan budaya’ dalam perumahan mampu milik.

1.5 Skop Kajian

Kebanyakan penyelidikan memberi tumpuan tentang dimensi sosial dalam konteks bandar antaranya kajian yang dibuat oleh (Nicola Dempsey, Bramley, & Et.al, 2011) mengkaji tentang kemampuan sosial bandar di United Kingdom (UK). Dalam kajian tersebut ia mengkaji interaksi sosial, kestabilan komuniti, kebanggaan dan rasa terhadap tempat, ekuiti sosial dan keselamatan; (Choguill, 2008), menumpukan terhadap penyertaan warga, interaksi sosial, hubungan interpersonal antara penduduk, kejiranan, tindakan kolektif, akses kepada kemudahan dan keselamatan; (Bramley, Dempsey, & Et.al, 2009) menumpukan kajian terhadap ekuiti sosial, akses kepada kemudahan, interaksi sosial, keselamatan, kestabilan dan penyertaan dalam aktiviti sivik; dan kajian Weingaertner & Moberg (2011) pula menumpukan terhadap modal sosial dan rangkaian, kesihatan dan kesejahteraan, perpaduan sosial dan inklusif, keselamatan dan perumahan dan kestabilan komuniti.

Manakala di Malaysia, Ling (2015) pula mengkaji terhadap kemampuan sosial dalam pembangunan komuniti pembangunan mewah bertingkat iaitu mengkaji tentang kegagalan ruang sosial dalam menangani kemampuan sosial dalam kehidupan komuniti bangunan bertingkat; Dzul Ashari & Hamzah (2017) pula mengkaji kesejahteraan komuniti, keselamatan dalam konteks perumahan mampu milik yang menganalisa 81 tema-tema berkaitan RMM mampan dan kesejahteraan yang memberikan kesan terhadap keselamatan diikuti dengan tema kos seterusnya tema reka bentuk dan kualiti RMM; Syazwani & Mariam (2013) pula, mengkaji tentang kehidupan mampan dan juga pembangunan sosial dalam aspek kemampuan sosial perlu dirancang dalam perancangan awal dan mereka bentuk bagi kehidupan sosial yang berterusan untuk jangka masa panjang dalam komuniti baru bagi

mengekalkan kesejahteraan, keselamatan dan kebolehcapaian dalam ruang bagi menggalakkan penyertaan dan interaksi sosial dalam komuniti. Selain itu Muhammad Ariffin (2016) mengkaji tentang manfaat kemampanan sosial bagi perkampungan mampan tanpa mengabaikan keupayaan memenuhi keperluan masa hadapan yang dapat menyumbang ke arah pembangunan luar bandar.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini akan menumpukan kepada 'kehidupan sosial dan budaya' terhadap perumahan mampu milik kerana tidak ramai penyelidik menumpukan kepada komuniti perumahan mampu milik. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberikan tumpuan kepada 'kehidupan sosial dan budaya' dalam kemampanan sosial terhadap RMM kepada komuniti. 'Kehidupan sosial dan budaya' ini akan menekankan terhadap kualiti kehidupan dan kesejahteraan masyarakat; penyediaan ruang dan juga menekankan nilai-nilai kemampanan sosial.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan memberikan kebaikan dan manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Antara kepentingan kajian adalah seperti berikut:

1.6.1 Kerajaan

Kajian yang akan dijalankan dapat membantu pihak kerajaan terutama sekali pembuat dasar bagi mempertingkatkan kemampanan sosial dalam komuniti. Selain itu mampu mengurangkan masalah sosial di kalangan penduduk bandar yang berpendapatan sederhana atau rendah agar dapat menikmati kehidupan yang lebih harmoni.

1.6.2 Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Bagi pihak KWP dan JPN, kajian ini akan dapat membantu pihak KWP dan JPN yang merupakan pentadbir kepada RMM di Wilayah Persekutuan dalam mendapatkan kaedah yang terbaik bagi menangani masalah-masalah dalam komuniti RMM, dapat menggariskan suatu garis panduan terhadap pemaju dalam kemampanan sosial dan mempromosikan RMM serta membantu dikalangan pemilikan perumahan yang kurang diketahui oleh rakyat. Manakala COB pula, boleh menggunakan ia sebagai garis panduan dalam menekankan isu-isu yang berkait rapat dengan kemampanan sosial dalam perumahan mampu milik.

1.6.3 Rakyat dan Pembeli Berpotensi

Kajian ini juga dapat menerangkan tentang perpaduan kaum serta mengikis pemikiran singkat antara kaum kesan daripada pembangunan mampan terutama sekali interaksi sosial antara kaum bagi mengelakkan perselisihan kaum dalam komuniti.

1.7 Kajian Penyelidikan dan Metodologi

Pendekatan utama yang telah digunakan adalah melalui kaedah kuantitatif. Dalam kaedah kuantitatif, penyelidik mengumpul seberapa banyak data yang dikaji dan data yang berkaitan. Pendekatan tinjauan yang telah digunakan adalah dengan cara pendekatan edaran borang kaji selidik kepada responden. Ia melibatkan pengumpulan data persampelan dari soal selidik. Setelah selesai pengumpulan data, data akan dianalisis dan dinilai untuk mendapatkan hasil bagi kajian yang dibuat. Terdapat juga

cara lain yang digunakan untuk mencari maklumat oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian mereka, adalah dengan penyelidik harus mengumpulkan maklumat dari data sekunder seperti buku, jurnal, laporan, artikel, media dan lain-lain sumber yang berkaitan.

Kaedah pemerhatian dan kaji selidik digunakan dalam kajian ini. Pemerhatian sebenar melibatkan pengamatan penulis mengenai peruntukan terhadap ‘kehidupan sosial dan budaya’ dalam perumahan mampu milik. Pendekatan tinjauan melibatkan ideologi data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang tinggal di kawasan kajian. Ia termasuklah kaedah mendapatkan, menganalisis dan menilai data berkenaan.

Penyiasatan merujuk kepada cara mendapatkan data yang berkenaan dengan ‘kehidupan sosial dan budaya’ dalam perumahan mampu milik. *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) akan digunakan untuk mengkaji dan mengakses pengumpulan data. Tinjauan terhadap kajian ini adalah untuk mengetahui pandangan pembeli rumah mampu milik terhadap kehidupan sosial dan budaya. Secara umumnya, penyelidikan ini akan dijalankan melalui lima (5) peringkat utama secara terperinci iaitu peringkat pertama (menentukan tajuk kajian), peringkat kedua (kajian literatur), peringkat ketiga (pengumpulan data), peringkat keempat (menganalisis data), dan akhir sekali peringkat kelima (rumusan cadangan).

1.7.1 Peringkat Kajian

Terdapat lima (5) peringkat yang perlu dijalankan iaitu peringkat pertama (menentukan tajuk kajian), peringkat kedua (kajian literatur), peringkat ketiga (pengumpulan data), peringkat keempat (menganalisis data), dan akhir sekali peringkat kelima (rumusan cadangan).

1.7.1.1 Peringkat Pertama (Menentukan tajuk kajian)

Isu-isu semasa dikenalpasti melalui media, jurnal, laporan-laporan teknikal dan kajian lepas bagi membentuk pernyataan masalah dan tajuk kajian di peringkat pertama ini. Setelah menentukan pernyataan masalah dan tajuk kajian, penetapan objektif, metodologi, skop kajian, kepentingan dan susunan bab akan dilakukan selari dengan topik yang dikaji. Secara amnya, kajian ini adalah berkenaan dengan kemampuan sosial mengikut konteks ‘kehidupan sosial dan budaya’ terhadap perumahan mampu milik.

1.7.1.2 Peringkat Kedua (Teori Penyelidikan)

Peringkat ini adalah peringkat kupasan teori yang telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik yang lalu. Peringkat ini termasuklah kupasan mengenai definisi kemampuan, kemampuan sosial, kemampuan komuniti mampan, perumahan mampu milik yang akan dijelaskan dengan lebih terperinci. Peringkat ini akan menumpukan dan menggunakan data sekunder bagi pengumpulan data iaitu menerusi kajian-kajian lepas, artikel, jurnal serta buku-buku ilmiah yang berkaitan. Justeru itu, maklumat yang diperolehi dalam kajian ini akan merumuskan konsep dan hubungkait ‘kehidupan sosial dan budaya’ secara khusus.

1.7.1.3 Peringkat Ketiga (Pengumpulan data)

Semua maklumat berkaitan yang diperolehi diperingkat ketiga ini dikumpulkan bagi membantu melaksanakan kajian ini. Seterusnya, pengumpulan data dibahagikan kepada dua (2) iaitu data primer dan data sekunder.

1.7.1.3.1 Data Primer

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah menerusi Kaedah Tinjauan Keratan Rentas (*Cross Sectional Survey Method*) melalui borang soal selidik. Kelebihan ini adalah: pertama kerana kaedah ini memberikan kadar maklumbalas yang lebih tinggi daripada soal selidik yang diedarkan melalui pos, telefon dan elektronik (Malhotra, 2008). Kedua, responden boleh ditanya secara langsung perkara-perkara yang tidak jelas selepas membaca soal selidik kepada penyelidik. Ketiga, teknik ini adalah sangat fleksibel dalam mendapatkan data. Responden setelah selesai menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan akan mengembalikan semula kepada pengkaji dan bertujuan memenuhi objektif yang kedua seperti yang dinyatakan, data yang diperolehi juga dapat diproses dengan mudah untuk dianalisis.

1) Persampelan

Proses reka bentuk persampelan merupakan satu proses dimana penulis membuat persampelan atau memilih sampel yang baik. Terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui dalam proses reka bentuk persampelan seperti populasi sasaran (*target population*), kerangka persampelan, teknik persampelan, saiz sampel dan proses persampelan. Parameter populasi penting dalam menentukan saiz sampel. Terdapat dua kaedah pemilihan sampel iaitu pertama adalah sampel kebarangkalian (*probability sampling*) dan kedua adalah sampel bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) (Yan Piaw, 2014). Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian (*probability sampling*).

Persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) adalah sinonim dengan penyelidikan jenis kuantitatif. Prosedur persampelan jenis ini dilaksanakan dengan memilih subjek sampel secara rawak iaitu subjek dalam sampel tersebut mempunyai ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian. Menurut Ang Kean (2016), sebelum

prosedur persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) dilakukan, pengkaji perlu mengenalpasti saiz populasi dan memperoleh senarai subjek dalam populasi.

2) Menentukan Saiz Sampel

Kawasan sampel berkait rapat dengan saiz sampel, dimana penentuan saiz sampel akan memberikan gambaran kepada kawasan sampel yang akan diaplikasikan untuk mengutip data. Menurut Norazman et al. (2012) saiz sampel adalah sekumpulan individu yang terlibat sebagai responden yang dapat memberikan maklumat dalam penyelidikan.

Bagi memperolehi jumlah saiz sampel yang menepati aras keyakinan yang telah ditetapkan perlulah terlebih dahulu mengetahui jumlah populasi yang terdapat di dalam kawasan kajian. Untuk mendapat saiz sampel daripada populasi penduduk penggunaan "*Formula Taro Yamane*" (Yamane, n.d.) telah dipertimbangkan serta digunakan untuk membentuk saiz sampel bagi menjimatkan masa, perbelanjaan dan memudahkan kajian dijalankan. Formula ini digunakan untuk mendapatkan sampel dari penduduk setempat.

$$n = \frac{N}{1 + N(e)^2}$$

Dimana: n = saiz sampel yang dibenarkan

N = Jumlah populasi

e = ralat yang dibenarkan (%)

Dalam kajian ini, kawasan yang dipilih adalah di kawasan perumahan mampu milik Sky Awani Residensi dengan populasi penduduk sebanyak 4,904 orang (KWP,

2019). Oleh yang demikian, dengan menggunakan “*Formula Taro Yamane*” jumlah saiz sampel yang diperlukan dengan aras keyakinan 90 peratus (%). Walaupun piawai industri menggunakan aras keyakinan 95%, namun kebanyakan kajian menggunakan nilai 90% dan memadai bagi tujuan kajian tersebut (Norazman et al., 2012). Oleh itu, pengiraan saiz sampel bagi populasi adalah seperti berikut:

$$n = \frac{N}{1 + N(e)^2}$$

$$n = \frac{4,904}{1 + 4,904(0.1)^2}$$

$$n = \frac{4,904}{1 + 4,904(0.01)}$$

$$n = \frac{4,904}{49.05}$$

$$n = 99.98 \text{ orang}$$

Setelah dikira saiz sampel dengan menggantikan nombor ke dalam “*Formula Taro Yamane*” jumlah sampel adalah 99.98 orang. Untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai, penyelidik telah meningkatkan saiz sampel kepada 100 orang. Jumlah keseluruhan borang soal selidik yang diedarkan adalah sebanyak 150 set, tetapi hanya 110 borang soal selidik yang dikembalikan.

Menurut Mohd Majid (2005), penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 orang kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel yang besar digunakan. Sekiranya saiz sampel tersebut ditambah, ralat persampelan dapat dikurangkan lagi. Saiz sampel yang kurang daripada 100 orang pula adalah kurang sesuai kerana akan berlaku turun naik yang besar dalam pengiraan terutamanya apabila kajian direplikasikan.

3) Pembentukan Borang Soal Selidik

Kaedah yang digunakan bagi pengumpulan data primer adalah melalui penyediaan borang soal selidik. Soalan-soalan yang digunakan oleh penyelidik adalah jelas dan mudah untuk dijawab oleh responden. Responden mempunyai pilihan jawapan yang sesuai dan ia memudahkan penyelidik untuk menganalisis data yang diperolehi. Borang soal selidik yang dikemukakan telah dibahagikan kepada dua (2) bahagian yang terdiri daripada Bahagian A iaitu mengenai latar belakang responden dan Bahagian B pula berkenaan dengan tajuk kajian iaitu 'kehidupan sosial dan budaya'.

a) Bahagian A

Bahagian ini adalah bahagian yang bertujuan bagi mendapatkan maklumat pengenalan dan latar belakang responden. Menurut Norazman et al. (2012), soalan berbentuk penyenaian atau pilihan ini menyediakan perkara atau pilihan kepada responden seperti umur, jantina, pekerjaan, pendapatan, bangsa dan jenis pekerjaan.

b) Bahagian B

Bahagian ini pula adalah bahagian merupakan soalan-soalan yang memfokuskan kepada 'kehidupan sosial dan budaya' iaitu melibatkan lima (5) bahagian kecil iaitu identiti tempatan, perhubungan antara kejiranan, kesejahteraan, keselamatan, dan kemudahan tempatan. Bahagian B dikemukakan bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada responden. Bahagian ini akan mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan 'kehidupan sosial dan budaya' yang mana ianya diolah daripada kajian literatur. Responden diwajibkan menjawab soalan-soalan berdasarkan lima (5) skala yang direka berdasarkan teknik penskalaan Likert (Likert, 1932).

Menurut Yan Piaw (2013), melalui kaedah skala likert responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dengan memilih kecenderungan skala Likert bagi kepentingan elemen-elemen yang diajukan kepada mereka sama ada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju. Berpandukan skala Likert (1932), skor akan diberikan terhadap semua soalan yang dijawab oleh responden dengan pilihan skor tertinggi adalah lima (5) bagi “Sangat Setuju” dan skor terendah satu (1) bagi “Sangat Tidak Setuju”.

Jadual 1.1: Penskalaan Likert (Likert, 1932)

Nombor	Skala Darjah Kepentingan
1	Sangat Tidak Setuju (<i>Strongly Disagree</i>)
2	Tidak Setuju (<i>Disagree</i>)
3	Tidak Pasti (<i>Not Sure</i>)
4	Setuju (<i>Agree</i>)
5	Sangat Setuju (<i>Strongly Agree</i>)

4) Pengendalian Borang Soal Selidik

Kaedah pengedaran borang soal selidik digunakan bagi penduduk di kawasan kajian yang dikaji oleh penulis, dimana borang soal selidik bagi sasaran di kawasan yang dipilih. Sampel 150 soal selidik disediakan terdiri daripada 25 soalan yang diedarkan kepada responden berkenaan dengan ‘kehidupan sosial dan budaya’.

5) Keesahan Instrumen

Kebolehpercayaan dan kesahihan data apabila menjalankan kaedah tinjauan adalah penting bagi membolehkan analisis dan kesimpulan dibuat mengenai populasi sasaran (Julie, 2007). Ujian keesahan instrumen telah dilaksanakan untuk menentukan bahawa setiap soalan-soalan yang disediakan mempunyai kaitan dengan pembolehubah yang digunakan. Bagi mendapatkan hasil mengenai keesahan instrumen, SPSS telah digunakan dalam kajian ini. Jadual 1.2 menunjukkan pengesahan keseluruhan hasil Cronbach's Alpha kajian awalan.

Jadual 1.2: Pengesahan Keseluruhan Hasil Cronbach's Alpha Kajian Awalan

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Item
0.955	25

Hasil daripada pengesahan keseluruhan menunjukkan sebanyak 25 pembolehubah menghasilkan nilai Cronbach's Alpha 0.955. Nilai ini secara tidak langsung menunjukkan kesemua pembolehubah ini memberikan nilai kepercayaan yang tinggi dan boleh digunakan di dalam borang kaji selidik. Menurut Julie (2007) kadar pengukuran keseragaman kebolehpercayaan skala jika *Cronbach's Alpha* mencapai 0.90 ke atas menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi, 0.80 pula adalah baik dan nilai *Cronbach's Alpha* 0.7 boleh diterima manakala nilai 0.6 ke bawah ianya perlu diperiksa dan tidak boleh diterima antara pembolehubah.

1.7.1.3.2 Data Sekunder

Data sekunder diperlukan bagi menyokong data primer. Pengumpulan data sekunder dilakukan melalui bahan-bahan bacaan yang diperolehi dan didapati seperti jurnal, artikel, kajian lepas dan buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Namun begitu, bagi kajian ini penumpuan adalah kepada bahan-bahan bercetak iaitu artikel, kajian-kajian lepas dan jurnal-jurnal serta bahan bacaan ilmiah yang banyak menceritakan tentang kemampanan sosial terutama sekali dalam konteks ‘kehidupan sosial dan budaya’.

1.7.1.4 Peringkat Keempat (Analisis Data)

Peringkat analisis ini adalah menganalisis maklumat-maklumat yang didapati daripada data primer dan data sekunder. Oleh itu, kepentingan analisis ini adalah bagi mencapai objektif kedua. Analisis data menggunakan perisian SPSS dan *Microsoft Excel*. SPSS adalah perisian yang digunakan untuk analisis statistik. SPSS adalah platform perisian IBM yang menawarkan analisis statistik lanjutan, keterlibatan sumber terbuka, integrasi dengan data dan penggunaan yang lancar. Kemudahan penggunaannya adalah fleksibiliti dan skalabiliti, dapat meningkatkan kecekapan dan meminimumkan risiko yang dapat diakses oleh pelbagai pengguna di semua peringkat kemahiran. Perisian SPSS akan melakukan statistik pada data kuantitatif yang dikumpulkan.

1) Analisis Frekuensi

Analisis frekuensi juga dikenali sebagai analisis kekerapan yang sering digunakan dalam menganalisis sesuatu data. Ia juga merupakan satu bentuk analisis statistikal yang boleh dijalankan sama ada secara manual atau menggunakan perisian

komputer (Yan Piaw, 2013). Analisis frekuensi ini adalah untuk mengenal pasti kekerapan pemilihan daripada responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik. Kekerapan yang tertinggi daripada responden terhadap jawapan daripada soalan-soalan yang dikemukakan akan menjelaskan mengenai jawapan pilihan responden. Hasil kekerapan tersebut kemudiannya akan diterjemahkan menjadi bentuk peratusan supaya mudah difahami oleh pembaca.

2) Analisis Skala Likert

Analisis skala likert digunakan bagi menentukan jumlah skor dan purata skor yang diperolehi bagi faktor-faktor kepentingan landskap yang telah disenaraikan dalam borang soal selidik. Kaedah ini diperkenalkan oleh Rensis Likert yang mana di gunakan untuk menganalisis data-data. Menurut Yan Piaw (2013), kaedah skala likert ini juga dikenali sebagai analisis univariate, dan berikut merupakan formula yang digunakan bagi analisis darjah kepentingan faktor:

$$\text{Perbezaan Purata Skor} = \frac{\text{Purata Skor Tertinggi} - \text{Purata Skor Terendah}}{\text{Nilai Skor Penuh}}$$

$$\text{Indeks} = \text{Perbezaan Skor Purata} + \text{Skor Purata}$$

3) Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif hanya akan mendeskriptasi keadaan sesuatu gambaran pendapat responden terhadap kenyataan melalui pemilihan hasil pernyataan taburan kekerapan yang dikumpulkan dari borang kaji selidik. Analisis ini akan menunjukkan ciri-ciri responden dan gambaran umum populasi penyelidikan dalam bentuk angka mengikut jumlah purata dan peratusan (Yan Piaw, 2013). Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan ciri-ciri responden dan huraian bagi setiap indikator

pembolehubah yang menggambarkan kecenderungan persepsi responden terhadap kenyataan item setiap pembolehubah.

4) Analisis Cross Tabulation (Crosstab)


Bagi mendapatkan ketepatan data, terdapat kaedah tambahan untuk mengira tahap kepentingan untuk statistik yang tersedia melalui prosedur ujian Crosstabs. Kaedah ini, *Exact* dan *Monte Carlo*, menyediakan cara untuk mendapatkan keputusan yang tepat apabila data gagal memenuhi mana-mana andaian asas yang diperlukan untuk keputusan yang boleh dipercayai menggunakan kaedah *asymptotic standard*. Analisis crosstab boleh dipilih melalui 3 kaedah iaitu *asymptotic*, *monte carlo* dan *exact*. *Asymptotic* merujuk kepada tahap kepentingan berdasarkan kepada pengagihan yang telah diedarkan oleh setiap statistik ujian. Biasanya, nilai kurang daripada 0.05 dianggap penting. Kepentingan *asymptotic* adalah berdasarkan andaian bahawa set data adalah besar. Jika set data adalah kecil atau buruk diagihkan, ini mungkin tidak menjadi petunjuk yang signifikan. Monte Carlo pula kaedah yang *unbias* bagi tahap kepentingan yang tepat, dikira dengan persampelan berulang kali dari set jadual dengan dimensi yang sama dengan baris dan lajur sebagai jadual yang diperhatikan. Kaedah Monte Carlo membolehkan anda untuk menganggarkan kepentingan yang tepat tanpa bergantung kepada andaian yang diperlukan untuk kaedah *asymptotic*. Kaedah ini adalah paling berguna apabila set data terlalu besar untuk mengira kepentingan yang tepat, tetapi data tidak memenuhi andaian kaedah *asymptotic*. *Exact* pula merupakan kebarangkalian hasil yang diperhatikan atau hasil yang lebih melampau dikira dengan tepat. Biasanya, tahap kepentingan kurang daripada 0.05 dianggap penting, menunjukkan bahawa terdapat beberapa hubungan antara pembolehubah baris dan lajur.

5) Analisis Khi Kuasa Dua (Chi Square)

Chi-Square disebut juga dengan Kai Kuadrat. Chi Square adalah salah satu jenis uji perbandingan non parametris yang dilakukan pada dua pembolehubah, di mana skala data kedua pembolehubah adalah muka. (Apabila dari 2 berubah-ubah, ada 1 variabel dengan skala muka maka dilakukan uji chi square dengan merujuk bahawa harus digunakan uji pada darjat yang paling rendah). Uji Chi Square berguna untuk menguji hubungan atau pengaruh dua buah variabel nominal dan mengukur kuatnya hubungan antara variabel yang satu dengan variabel nominal lainnya ($C = \text{Coefisien of contingency}$) (Yan Piaw, 2014). Uji chi-square merupakan uji non parametris yang paling banyak digunakan.

1.7.1.5 Peringkat Kelima (Rumusan dan Cadangan)

Pada peringkat kelima ini, keputusan kajian diperolehi. Rumusan daripada hasil kajian diikuti dengan cadangan kajian akan datang dan dibincangkan secara terperinci di peringkat akhir ini. Cadangan kajian dibentuk bagi meningkatkan serta menambahbaik kajian mengikut peredaran masa. Peringkat-peringkat menjalankan kajian dapat dirumuskan di dalam Carta Alir Penyelidikan Rajah 1.1



Rajah 1.1: Carta Alir Penyelidikan

1.8 Susun Atur Bab

Kajian terhadap kemampuan sosial terhadap perumahan mampu milik mengandungi lima (5) bab iaitu:

1.8.1 Bab 1- Pengenalan

Bab ini akan menerangkan berkenaan latar belakang kajian dari segi pendahuluan, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian dan seterusnya susun atur bab. Metodologi kajian yang akan digunakan oleh penyelidik iaitu dari data primer dan data sekunder. Data primer yang diambil adalah dari temubual kepada pegawai-pegawai dari agensi atau jabatan yang dipilih manakala, data sekunder pula iaitu dari bahan bacaan seperti jurnal, artikel, buku, dan kajian-kajian yang lepas.

1.8.2 Bab 2- Kemampuan sosial

Bahagian ini menjelaskan berkaitan kemampuan, kemampuan sosial, komuniti mampan dalam konteks perumahan mampu milik. Selain itu, turut menerangkan mengenai skim-skim perumahan mampu milik yang diperkenalkan oleh kerajaan. Malah, di dalam bab ini juga dapat mengupas berkaitan dengan kemampuan sosial dalam konteks 'kehidupan sosial dan budaya'.

RUJUKAN

- Abdul Samad, H., Shaharudin, I., & Abdul Hadi, H. S. (2004). Persekitaran Bandar Lestari untuk Kesejahteraan Komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5(January), 3–29.
- Ahmad Ariffian, B., Hasmah, A. Z., & Et.al. (2010). *The Relationship Between Demographic Factors and Housing Affordability*. *Malaysian Journal of Real Estate*, 5(1), 49–58.
- Alip, R. (2001). *Managing Conflict in Organization* (3rd. Editi). Westport, CT.
- Amartya, S. (2013). *The End and Means of Sustainability*. *Journal of Human Development and Capabilities*, 14, 6–20. <https://doi.org/https://doi-org.ezproxy.utm.my/10.1080/19452829.2012.747492>
- Ang Kean, H. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(May), 17–23.
- Anne, P. (2000). *sustainable communities and sustainable development: a review of the sustainable communities plan*.
- Baqutaya, S., Ariffin, A. S., & Raji, F. (2016). *Affordable Housing Policy: Issues and Challenges among Middle-Income Groups*. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(6), 433–436. <https://doi.org/10.7763/ijssh.2016.v6.686>
- Barron, L., & Gauntlett, E. (2002). *Stage 1 Report- Model of Social Sustainability WACOSS Housing and Sustainability Communities Indicator Project: Perth, Murdoch*.
- Barton, H. (2000). *Sustainable Communities: The Potential for Eco-Neighbourhoods*. London: Earthscan Pubs.
- Barton, H. (2010). *Shaping neighbourhoods : for local health and global sustainability* (2nd ed.). London ; New York : Routledge.
- Becker, E., Jahn, T., & Et.al. (1997). *Sustainability: A cross-disciplinary concept for social transformations*. *Unesco*. Retrieved from http://www.researchgate.net/publication/44823762_Sustainability_a_cross-disciplinary_concept_for_social_transformations/file/72e7e525eec9e503fc.pdf %5Cn<http://www.unesco.org/most/pp6.pdf>
- Bramley, G., Dempdey, N., & Et.al. (2009). *Social sustainability and urban form: Evidence from five British cities*. *Environment and Planning A*, 41(9), 2125–

2142. <https://doi.org/10.1068/a4184>
- Bramley, G., Dempsey, N., Power, S., & Brown, C. (2006). *What is 'Social Sustainability', and How Do Our Existing Urban Forms Perform in Nurturing It? Planning Research Conference*, (April), 1–40. Retrieved from http://www.city-form.org/uk/pdfs/Pubs_Bramleyetal06.pdf Available from: http://www.city-form.org/uk/pdfs/Pubs_Bramleyetal06.pdf
- Bramley, G., & Power, S. (2009). *Urban form and social sustainability: The role of density and housing type. Environment and Planning B: Planning and Design*, 36(1), 30–48. <https://doi.org/10.1068/b33129>
- Brent, A. C., & Labuschagne, C. (2007). *An appraisal of social aspects in project and technology life cycle management in the process industry. Management of Environmental Quality: An International Journal*, 18(4), 413–426. <https://doi.org/10.1108/14777830710753811>
- Brutland, G. H. (1975). *Report of The World Commission on Environment and Development: Our Common Future*. <https://doi.org/10.1021/bi00694a018>
- Chamhuri, S., Nasyrah Ahmad, D., & Et.al. (2011). Rancangan pembangunan Malaysia: isu tukar-ganti (trade-off) antara pertumbuhan dengan kelestarian. *International Journal of Management Studies*, 18(2011), 7–33.
- Chan, E., & Lee, G. K. L. (2008). *Critical factors for improving social sustainability of urban renewal projects. Social Indicators Research*, 85(2), 243–256. <https://doi.org/10.1007/s11205-007-9089-3>
- Choguill, L. (2008). *Developing Sustainable Neighbourhoods. Habitat International*.
- Colantonio, A. (2009). *Social sustainability: a review and critique of traditional versus emerging themes and assessment methods. Sue-Mot Conference 2009: Second International Conference on Whole Life Urban Sustainability and Its Assessment*, 865–885. Retrieved from <http://eprints.lse.ac.uk/35867/>
- Davidson, M. (2010). *Social sustainability and the city. Geography Compass*, 4(7), 872–880. <https://doi.org/10.1111/j.1749-8198.2010.00339.x>
- Dempsey, Nicola, Bramley, G., & Et.al. (2011). *The social dimension of sustainable development: Defining urban social sustainability. Sustainable Development*, 19(5), 289–300. <https://doi.org/10.1002/sd.417>
- Dempsey, N., Brown, C., & Bramley, G. (2012). *The key to sustainable urban development in UK cities? The influence of density on social sustainability. Progress in Planning*, 77(3), 89–141. <https://doi.org/10.1016/j.progress.2012.01.001>

- Dr. Mohd Roslan, R. (2019, March). Dasar Komuniti Negara perlu lebih inklusif. *Berita Harian Online*.
- Drakakis-Smith, D. (1995). *Third World Cities : Sustainable Urban Development* , 1. *Urban Studies*, 32, 659–677.
- Dzul Ashari, A. B., & Hamzah, J. (2017). Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2), 97–114.
- E. Wallace, J. (1995). *Financing Affordable Housing in the United States*. *Housing Policy Debate*, 6(4), 785–814. <https://doi.org/10.1080/10511482.1995.9521205>
- Emma, M., Kieran, S., & Et.al. (2013). *An assessment of sustainable housing affordability using a multiple criteria decision making method Emma Mulliner , Kieran Smallbone and Vida Maliene April 2013 Manchester Institute for Mathematical Sciences School of Mathematics The University of Manches. Omega*, 41(April), 270–279. Retrieved from <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0305048312000928>
- Empacher, C., & Wehling, P. (1999). *Indicators of Social Sustainability*. *ISOE Discussion Paper*, (13).
- Fischer-Kowalski, M., & Haberl, H. (1993). *Metabolism and Colonization. Modes of Production and the Physical Exchange between Societies and Nature*. *Innovation: The European Journal of Social Science Research*, 6(4), 415–442. <https://doi.org/10.1080/13511610.1993.9968370>
- Foladori, G. (2005). *Advances and limits of social sustainability as an evolving concept*. *Canadian Journal of Development Studies*, 26(3), 501–510. <https://doi.org/10.1080/02255189.2005.9669070>
- Gibson, R. B., Hassan, S., & Et.al. (2013). *Sustainability assessment: Criteria and processes*. *In Sustainability Assessment: Criteria and Processes*. <https://doi.org/10.4324/9781849772716>
- Gomis, A. ., Parva, M. ., & Et.al. (2011). *Rethinking The Concept of Sustainability: Business and Society Review*. 16(2).
- Hall, J. M., Jaeger, C. C., Lowe, I., James, J., Schellnhuber, H. J., Bolin, B., ... Clark, W. C. (2001). *Environment and Development: Sustainability Science*. 292(5517), 641–642.
- Hammond, C., & Churchman, D. (2008). *Sustaining academic life: A case for applying principles of social sustainability to the academic profession*. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 9(3), 235–245.

- <https://doi.org/10.1108/14676370810885862>
- Hans-Boeckler-Foundation. (2001). *Pathways Towards a Sustainable Future: Setzkasten, Dusseldorf.*
- Hardi, P., & Terrence, Z. (1997). *Principles in practice.* In *The International Institute for Sustainable Development.* <https://doi.org/10.1109/MS.2009.99>
- Haris, A. W. (2010). Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator. Seminar Serantau Islam Dan Kesejahteraan Sejangat, 1–16.
- Jabatan Perumahan Negara. (2019). Dasar Perumahan Mampu Milik Negara. Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, 1–84. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Jabatan Perumahan Negara, M. (2018). Dasar Perumahan Negara (2018-2025): Rumah Berkualiti Harapan Rakyat.
- Jorrisen, J., Kopfmuller, J., Brandl, V., & Paetau, M. (1999). In *Integrative Concept: FZ Karlsruhe Research Reports, Karlsruhe.*
- Julie, P. (2007). *SPSS- Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS* (3rd.e.d). McGraw-Hill.
- Kajikawa, Y., Tacoma, F., & Et.al. (2014). *Sustainability science: the changing landscape of sustainability research.* *Sustainability Science*, 9(4), 431–438. <https://doi.org/10.1007/s11625-014-0244-x>
- Kementerian Wilayah Persekutuan, M. (2019). Dasar Residensi Wilayah. Wilayah Persekutuan.
- Komiyama, H., & Takeuchi, K. (2006). *Sustainability science: building a new discipline.* *Sustainability Science*, 1(1), 1–6. <https://doi.org/10.1007/s11625-006-0007-4>
- KWP, M. (2019). Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Lacy, P., Cooper, T., & Et.al. (2010). *A new era of sustainability: UN Global Compact-Accenture CEO Study 2010: United Nations Global Compact and Accenture. Corporate Governance.* <https://doi.org/10.1108/14720701111159208>
- Lele, S. M. (1991). *Sustainable Development: A Critical Review.* *World Development*, 19(6), 607–621. <https://doi.org/doi: DOI: 10.1037/h0022804>
- Likert, R. (1932a). *A Technique for The Measurement of Attittides* (Vol. 22; R.S. Woodworth, Ed.). New York: Colombia University Press.
- Likert, R. (1932b). *A Technique for The Measurement of Attitudes* (R. S. Woodworth, Ed.). New York: Colombia University Press.

- Ling, C. S., & Almeida, S. J. (2016). Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia.
- Ling, S. L. (2015). *SOCIAL SUSTAINABILITY OF URBAN HIGH-RISE COMMUNITY*. University Teknologi Malaysia.
- Littig, B., & Grießler, E. (2005). *Social sustainability: A catchword between political pragmatism and social theory. International Journal of Sustainable Development*, 8(1–2), 65–79.
- LPPKN, M. (2011). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Malhotra, N. . (2008). *Essentials of Marketing Research: An Applied Orientation* (2nd e.d). Pearson/ Prentice Hall.
- Matthew, C. (2014). *Explorations in Urban Design: An Urban Design Research Primer*. Ashgate Publishing Company.
- McKenzie, S. (2004). *SOCIAL SUSTAINABILITY : TOWARDS SOME DEFINITIONS*. In University of South Australia.
- Melvin, J. (2019). Tangani isu dihadapi Masyarakat Iban di Kuching. *Berita Harian Online*.
- Mill, J. . (1993). *Utilitarianism: On liberty; Considerations on representative government; Remarks on Bentham's philosophy*.
- Missimer, M., Robèrt, K. H., & Broman, G. (2017). *A strategic approach to social sustainability - Part 1: exploring the social system. Journal of Cleaner Production*, 140, 32–41. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2016.03.170>
- Modi, S. (2014). *Improving the Social Sustainability of High-Rises. CTBUH Journal*, (I), 24–31.
- Mohd Majid, K. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan (7th Ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Muhammad Ariffin, O. (2016). PENENTUAN TAHAP KEMAMAPANAN KAMPUNG, DI MUKIM PENJUM, DAERAH LIPIS, PAHANG. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mulliner, E., & Maliene, V. (2011). *Criteria for sustainable housing affordability. 8th International Conference on Environmental Engineering, ICEE 2011*, 966–973.
- Nicola Bacon, D. C. and S. W. (2013). *Living at Kidbrooke Village*.
- Norazman, A. M., Masdinah Alauyah, M. Y., Tina, A., Sahirah, M., Zanariah, M. S., Faruk, M., ... Rohayah, K. (2012). *Academic Report Writing* (A. A. Raof, Ed.).

- Prentice Hall.
- OECD. (2000). *Towards Sustainable Development: Indicators to measure progress. OECD Rome Conference*, 417.
- Paul, J., Liam, M., & Et.al. (2015). *Urban Sustainability in Theory and Practice: Circles of Sustainability* (1st ed.). London and New York: Routledge.
- Purvis, B., Mao, Y., & Robinson, D. (2019). *Three pillars of sustainability: in search of conceptual origins. Sustainability Science*, 14(3), 681–695.
<https://doi.org/10.1007/s11625-018-0627-5>
- Ray, F., & James, L. (2003). *Social sustainability, sustainable development and housing development: The experience of Hong Kong. In Housing and Social Change: East-West Perspectives*. <https://doi.org/10.4324/9780203402634>
- Rees, W. E., & Wackernagel, M. (1999). *Monetary analysis: Turning a blind eye on sustainability. Ecological Economics*, 29(1), 47–52.
[https://doi.org/10.1016/S0921-8009\(98\)00079-2](https://doi.org/10.1016/S0921-8009(98)00079-2)
- Rofiei, R., Tawil, N. M., & Et.al. (2013). Pembangunan Kerangka Konsep Rumah Mampu Milik Bertanah Di Pinggir Bandar Bagi Golongan Eksekutif Muda Di Lembah Klang. *Journal Design + Built*, 6, 64–70.
- Roseland, M. (2000). *Sustainable community development: Integrating environmental, economic, and social objectives. Progress in Planning*, 54(2), 73–132. [https://doi.org/10.1016/S0305-9006\(00\)00003-9](https://doi.org/10.1016/S0305-9006(00)00003-9)
- Roseland, M. (2005). *Toward Sustainable Communities: Resources for Citizens and Their Governments* (Revised ed). Canada, CN: New Society Publishers.
- Rostam, K., Maimunah, W. A. N., & Et.al. (1997). Pola Interaksi Sosial di Kawasan Perumahan Terancang di Bandar Baru Bangi. *Akademika*, 50(1), 25–41.
- Rowley, S., Ong, R., & Et.al. (2015). *Bridging the Gap between Housing Stress and Financial Stress: The Case of Australia. Housing Studies*, 30(3), 473–490.
<https://doi.org/10.1080/02673037.2014.977851>
- Samad, D., Zainon, N., & Et.al. (2017). *Malaysian Affordability Housing Policies Revisited. Open House International*, 42, 44–51.
- Schoolman, E. D., Guest, J. S., & Et.al. (2012). *How interdisciplinary is sustainability research? Analyzing the structure of an emerging scientific field. Sustainability Science*, 7(1), 67–80. <https://doi.org/10.1007/s11625-011-0139-z>
- Shaarani, I. (2019, November 10). Perselisihan Kaum dan Agama Semakin Kritikal. *Berita Harian Online*.
- Siti Khatijah, Z., & Christopher, P. (2006). Cabaran dan strategi ke arah

- pembentukan komuniti lestari. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(12), 10–24.
- Spangenberg, J. H. (2002). *Institutional sustainability indicators: An analysis of the institutions in Agenda 21 and a draft set of indicators for monitoring their effectivity*. *Sustainable Development*, 10(2), 103–115.
<https://doi.org/10.1002/sd.184>
- Syazwani, A. K., & Mariam, J. (2013). *Universal Design as a Significant Component for Sustainable Life and Social Development*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 85(September), 179–190. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.08.349>
- Tafuro, A., De Matteis, F., Preite, D., Costa, A., Mariella, L., & Treviso, G. (2019). *Social sustainability and local authorities: What is the relationship between spending commitments and social issues?* *Socio-Economic Planning Sciences*, 67(October 2018), 120–132. <https://doi.org/10.1016/j.seps.2018.10.006>
- Tatiana, N. (2010). *Expanding Housing Finance to the Underserved in South Asia*. Retrieved from http://www.ghbook.ir/index.php?name=فرهنگ و رسانه های نوین&option=com_dbook&task=readonline&book_id=13650&page=73&chkhas hk=ED9C9491B4&Itemid=218&lang=fa&tmpl=component
- Tighe, J. R. (2012). *How Race and Class Stereotyping Shapes Attitudes Toward Affordable Housing*. *Housing Studies*, 27(7), 962–983.
<https://doi.org/10.1080/02673037.2012.725831>
- Unit Pembangunan RW-KWP, M. (2019). Laporan Pelaksanaan Projek- Residensi Wilayah.
- Wahi, N., Mohamad, I., Zin, R. M., Munikanan, V., & Junaini, S. (2018). The High Rise Low Cost Housing : *Sustainable Neighbourhood Elements (Green Elements) in Malaysia*. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 341(1). <https://doi.org/10.1088/1757-899X/341/1/012028>
- Weingaertner, C., & Moberg, A. (2011). *Exploring Social Sustainability: Learning from Perspective on Urban Development and Companies and Products*. *Sustainable Development*, 22(2), 122–133.
<https://doi.org/https://doi.org/10.1002/sd.536>
- Widok, A. (2009). Social Sustainability : *Theories , Concepts , Practicability*. *Environmental Informatics and Industrial Environmental Protection: Concepts, Methods and Tools*, 2009(2007), 43–51.
- Winston, N. (2009). *Urban regeneration for sustainable development: The role of sustainable housing?* *European Planning Studies*, 17(12), 1781–1796.

<https://doi.org/10.1080/09654310903322306>

- Winston, N. (2010). *Regeneration for sustainable communities? Barriers to implementing sustainable housing in urban areas*. *Sustainable Development*, 18(6), 319–330. <https://doi.org/10.1002/sd.399>
- Woodcraft, Saffon, & Dixon, T. (2013). *Creating strong communities – measuring social sustainability in new housing development*. *Town and Country Planning Association*, 82(11), 473–480.
- Woodcraft, Saffron. (2012). *Social Sustainability and New Communities: Moving from Concept to Practice in the UK*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 68, 29–42. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.204>
- Yamane, T. (n.d.). *Statistic: An Introductory Analysis* (3rd. ed). New York: Harper and Row Publisher Inc.
- Yan Piaw, C. (2013). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Likert*.
- Yan Piaw, C. (2014). *Kaedah Penyelidikan- Kaedah dan Statistik Penyelidikan*.
- Yiftachel, O., & Hedgcock, D. (1993). *Urban social sustainability: The planning of an Australian city*. *Cities*, 10(2), 139–157.
[https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0264-2751\(93\)90045-K](https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0264-2751(93)90045-K)
- Zubrick, S., Williams, A., & Silburn, S. (2000). *Indicators of social and family functioning*. Retrieved from <https://research-repository.uwa.edu.au/en/publications/indicators-of-social-and-family-functioning>